

# Faktor-faktor yang Mempengaruhi Taburan Penduduk di Malaysia

## Faktor Fizikal

### *Tanah pamah*




- Menjadi tumpuan penduduk kerana sesuai untuk pelbagai aktiviti ekonomi dan kawasan petempatan
- Contoh: Dataran Kedah-Perlis (kawasan pertanian) serta bandar-bandar seperti Kuching, Seremban, Shah Alam, Johor Bahru

### *Tanah tinggi*



- Kurang menjadi tumpuan penduduk kerana darjah ketersampaian rendah, kos tinggi untuk membina kawasan petempatan dan bentuk muka bumi tidak rata
- Contoh: Banjaran Tahan, Banjaran Kapuas Hulu

### *Pinggir laut dan saluran*



- Kawasan pesisir pantai dan sungai yang menyediakan kemudahan perhubungan menjadi tumpuan penduduk
- Contoh: Sepanjang Sungai Rajang
- Kawasan berpaya seperti sekitar Tasik Chini dan Tasik Bera berpenduduk jarang

# Faktor-faktor yang Mempengaruhi Taburan Penduduk di Malaysia

## Faktor Ekonomi

### *Pertanian*



- Kawasan pertanian seperti Dataran Kedah-Perlis, Dataran Kelantan dan Delta Rajang mempunyai taburan penduduk yang padat

### *Perlombongan*



- Kegiatan perlombongan petroleum dan gas asli menjadikan kawasan seperti Kerteh (Terengganu) dan Miri (Sarawak) menjadi tumpuan penduduk

### *Perindustrian*



- Kawasan perindustrian seperti Bayan Lepas, Shah Alam dan Nilai menjadi tumpuan penduduk kerana menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian

# Faktor-faktor yang Mempengaruhi Taburan Penduduk di Malaysia

## Faktor Sosial

### *Infrastruktur*



- Kawasan yang mempunyai kemudahan pengangkutan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik menjadi tumpuan penduduk
- Kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan sosial yang lengkap berpenduduk jarang

### *Pendidikan*



- Kawasan yang mempunyai kemudahan pendidikan seperti pusat pengajian tinggi menjadi tumpuan penduduk
- Contoh: Bangi (Selangor) menjadi pilihan penduduk kerana terdapat Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Kuala Lumpur Malaysia

# Faktor-faktor yang Mempengaruhi Taburan Penduduk di Malaysia

## Dasar Kerajaan / Governan

### *Pembukaan bandar baharu*



- Pembukaan bandar baharu seperti Bandar Baru Nilai menarik lebih banyak penduduk berhijrah
- Pembukaan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan menyebabkan kawasan tersebut berpenduduk padat

### *Tanah rancangan*



- Pembukaan tanah pertanian dan petempatan oleh FELDA menyebabkan kawasan tersebut berpenduduk sederhana padat
- Contoh: Felda Sahabat (Sabah)- Felda Bukit Goh (Pahang), Felda Air Tawar (Johor)

### *Pewartaan hutan simpan dan taman negara*



- Kawasan yang diwartakan sebagai taman negara dan hutan simpan kurang menjadi tumpuan penduduk.
- Cohtoh: Taman Negara (Pahang), Hutan Simpan Kabili-Sepilok, Taman Negara Endau-Rompin